

06/05/2002

Pengangguran harus segera insafkan pelajar Melayu

DIANGGARKAN tidak kurang daripada 40,000 graduan keluar daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) setiap tahun. Anggaran itu tidak termasuk graduan dari institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang memberi lebih penekanan kepada bahasa Inggeris, sains dan matematik. Sudah menjadi lumrah ketika keadaan ekonomi kurang memberangsangkan, jumlah graduan menganggur meningkat setiap tahun berikutan pertumbuhan peluang pekerjaan yang lembap di samping pemberhentian pekerja. Selain itu, masalah kelayakan dan kemahiran yang tidak secocok di antara pencari kerja dengan syarat yang dikehendaki majikan, masih terus berlaku. Sama ada dari segi kelayakan, sektor mahupun geografi atau lokasi, penempatan atau pengisian jawatan sangat rendah. Akibatnya, persaingan di kalangan graduan amat sengit terhadap peluang pekerjaan yang sedikit.

Dalam suasana yang lebih mencabar hari ini, segulung ijazah semata-mata tidak menjamin pemiliknya mendapat pekerjaan yang baik. Tanpa kemahiran individu, terutama penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta penguasaan bahasa asing, terutama bahasa Inggeris, graduan akan mendapati sukar untuk menjamin kemajuan diri. Tahun ini saja, kira-kira separuh daripada 75,700 lepasan IPT menganggur. Kecuali segelintir yang bernasib baik, selebihnya akan bergantung kepada kelebihan kemahiran yang dimiliki untuk mengisi peluang pekerjaan yang semakin terhad. Justeru, pencari kerja di kalangan graduan yang kurang berdaya saing akan lebih sukar mendapat pekerjaan.

Hakikat yang harus diterima ialah dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi, kita perlu mempunyai tenaga kerja yang berdaya saing dari segi produktiviti serta kos. Malaysia kini bersaing dengan China yang mempunyai kos buruh lebih murah dan tenaga kerja ramai selain sanggup bekerja melebihi lapan jam sehari. Keadaan ini menyebabkan pelabur asing lebih cenderung melabur di China. Masalah kedua dalam isu globalisasi dan liberalisasi ini ialah dari segi pergantungan negara terhadap eksport dan pelaburan luar. Misalnya, apabila Amerika Syarikat mengalami kegawatan dan mengurangkan import barangan elektrik dan elektronik, ia memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia. Oleh itu, terdapat syarikat pengeluaran barangan elektrik dan elektronik yang mengecilkan operasi pengeluaran atau menutup terus syarikat, sekali gus mengurangkan peluang pekerjaan baru.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin melahirkan rasa sedih dan kecewa kerana 94 peratus daripada 44,000 lepasan IPT yang menganggur, adalah graduan Melayu. Sebagaimana dikatakan Perdana Menteri, mereka lulus dalam bidang yang tiada kaitan dengan pasaran kerja seperti mengambil jurusan sastera dan agama. Sebagai perbandingan, bilangan graduan bukan Melayu yang menganggur hanya 5.3 peratus. Meskipun ada pihak yang terus mempertahankan bahawa tiada salahnya mengambil jurusan itu, anehnya pihak berkenaan jugalah yang cepat menyalahkan kerajaan apabila ramai graduan Melayu terus menganggur.

Sebenarnya sudah ada banyak contoh bagaimana graduan harus memperlengkap diri untuk memenuhi pasaran pekerjaan. Mengambil pengajaran daripada sistem di Belanda, umpamanya, yang mewajibkan pelajar menguasai lima bahasa, pelajar Melayu harus mengorak langkah meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai prasyarat utama. Ketika pelajar kaum lain menguasai tiga bahasa, pelajar Melayu akan terus ketinggalan jika mengharap penguasaan bahasa Melayu yang tidak seberapa manakala bahasa

Inggeris terus diabaikan. Bertitik-tolak daripada ini, persepsi untuk hanya memiliki ijazah menerusi kursus mudah lulus tetapi tidak berkebolehan untuk maju dalam ekonomi dan masyarakat hendaklah diubah. Selagi pelajar Melayu tidak mahu memberanikan diri menceburi bidang lebih mencabar seperti sains dan teknologi, kejuruteraan, perubatan, perakaunan atau pengurusan, selagi itulah masalah pengangguran di kalangan graduan Melayu tidak akan ada kesudahannya.

(END)